

Isu pengguguran Chua tidak wajar diperbesar

BH 05 OCT 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengguguran Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng daripada jawatan Pengerusi MCA Kedah tidak harus dijadikan isu besar.

Perdana Menteri berkata, perubahan seperti itu adalah perkara biasa kerana beliau sendiri pernah mengetuai Perhubungan Umno Kelantan selama 10 tahun sebelum digantikan pemimpin lain.

"Sudah tentu banyak

orang sukalah kalau ada berkelahi antara pemimpin-pemimpin parti MCA. Tetapi tujuan kita bukan nak berkelahi, kita nak selesaikan masalah parti, nak jadikan parti kita kuat.

"Saya dah terangkan, setakat yang saya tahulah iaitu kita bila satu-satu negeri menghadapi masalah, mana-mana parti komponen pun, biasanya memilih seorang dari Pusat untuk mengetuai negeri itu.

"Saya sendiri telah dipi-

lih menjadi ketua perhubungan (Umno) negeri Kelantan selama 10 tahun. Sekarang ini saya telah "disingkir", bubuh orang lain pula dah. Jadi itu adalah perkara biasa saya ingat.

"Saya tak mahu menjadikan isu besar mengenai hal ini," katanya selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, petang ini. Hadir sama, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Ditanya sama ada pelu-

cutan jawatan Chua yang juga Naib Presiden MCA itu ada kaitan isu pengambil alihan Nanyang Press oleh parti itu sebelum ini, Dr Mahathir berkata:

"Yalah yang itu bolehlah jadi bahan laporan dalam akhbar. Kalau tak ada benda macam ini, akhbar tak boleh jual... orang tak baca pun. Isu ini tanya 10 kali pun, semua orang senyap dah, nak cungkil juga lagi....tidak apa dia nak lapor," katanya.